

Sementara itu, Dr Mohamed Mustafa berharap diskusi seumpama ini lebih kerap diadakan selain dapat melibatkan lebih ramai ahli akademik dalam membantu kerajaan menguruskan negara serta mengembling lebih banyak kepakaran dan idea para cendekiawan di Malaysia umumnya dan UUM, khususnya.

Beliau juga menyarankan Dekan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Dr Asan Ali Golam Hassan supaya lebih aktif mengadakan diskusi seperti ini kerana isu ekonomi adalah hampir dengan aktiviti sehariannya.

Pada masa hadapan diskusi boleh dilaksanakan dengan lebih kerap jika semua ahli akademik UUM mahu dan berusaha untuk melibatkan diri dengan menyumbang kepakaran, tenaga dan masa demi merealisasikan impian UUM mencapai Universiti Pengurusan Terkemuka.

Habis

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my